



PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO ULANG TAHUN KE- 75 JUBLI INTAN MAJLIS BELIA MALAYSIA

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Tahun 2023 Majlis Belia Malaysia (MBM) akan menyambut ulang tahun ke-75 penubuhannya. MBM telah melalui zaman perubahan yang amat bermakna dalam sejarah pergerakan belia di Malaysia. Sejarah pembentukan sesebuah negara juga tidak terpisah dari susur galur perjuangan pergerakan belia.
- 1.2 Sempena sambutan ini, MBM berhasrat membuka peluang kepada generasi muda untuk mempamerkan idea dan kreativiti mereka dalam pertandingan mencipta logo 75 tahun Jubli Intan MBM yang menjadi identiti serta simbolik kepada sambutan ini.

2.0 OBJEKTIF PERTANDINGAN

- 2.1 Mengajak masyarakat khususnya generasi muda menghayati dan menghargai MBM sebagai 'institusi' belia di negara ini yang telah banyak berjasa dan menyumbang bakti dalam pembangunan negara.
- 2.2 Memberi peluang kepada generasi muda untuk terlibat sama dalam sambutan 75 Tahun MBM.

3.0 SYARAT PERTANDINGAN

- 3.1 Syarat-syarat penyertaan
 - a) Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada seluruh **warganegara Malaysia yang berumur 15 tahun hingga 40 tahun**;
 - b) Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Walau bagaimanapun, hanya satu logo akan dipilih sebagai pemenang;
 - c) Reka bentuk hendaklah asli, menarik, jelas, mudah dan kemas, tiada unsur sensitif yang menyinggung mana-mana pihak;
 - e) Reka bentuk hendaklah **bersaiz A4 (ukuran 21cm x 29.7cm)** dan disediakan dalam bentuk softcopy menggunakan **format Adobe Illustration (Ai)** dan dimuat naik dalam borang penyertaan;
 - f) Semua rekaan tidak akan dikembalikan dan menjadi hak milik Majlis Belia Malaysia (MBM);
 - g) Pereka hendaklah memberi keterangan atau penjelasan (rasional) ke atas reka bentuk logo, simbol, warna atau slogan yang digunakan;
 - h) Penyertaan dibuka mulai **21 Februari 2023 dan berakhir pada 1 April 2023, 12.00 tengah hari**;

- e) Keputusan juri adalah muktamad. Sebarang bantahan, pertikaian atau rayuan tidak akan dilayan;

4.0 METODOLOGI PENILAIAN

- 4.1 Penilaian akan dijalankan melalui penelitian terhadap *layout/design logo* yang dihantar kepada Urus setia pertandingan;
- 4.2 Hanya satu (1) reka bentuk logo sahaja akan dipilih untuk memenangi pertandingan ini.

5.0 PANEL PENILAI

- 5.1 Penilaian akan dibuat oleh satu Jawatankuasa Penilai yang dibentuk berasingan;
- 5.2 Semua penyertaan adalah tertakluk kepada keputusan MUKTAMAD oleh Panel Penilai;
- 5.3 Panel Penilai berhak untuk membatalkan penyertaan pada mana-mana peringkat pertandingan sekiranya didapati peserta tidak mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan;
- 5.4 Panel Penilai berhak mengubahsuai dan meminda reka bentuk logo yang disertai sekiranya perlu.

6.0 HADIAH PERTANDINGAN

- 6.1 Hanya satu ciptaan sahaja akan dipilih dan pemenang akan menerima hadiah;

Hadiah utama RM2,000.00
(Ringgit Malaysia : Dua Ribu Sahaja)

3 x Saguhati RM500.00
(Ringgit Malaysia : Lima Ratus Sahaja)

- 6.2 Kesemua peserta akan menerima sijil penyertaan;
- 6.3 Semua pemenang akan dimaklumkan oleh pihak Urus setia melalui telefon atau e-mel;
- 6.4 Majlis penyampaian hadiah akan dilakukan dalam satu majlis yang akan dimaklumkan kemudian.

Link borang penyertaan :

<https://bit.ly/3KIEsM5>

Disediakan oleh :

Urus setia Pertandingan Cipta Logo Ulang Tahun ke-75 Jubli Intan Majlis Belia Malaysia, Wisma MBM, No.1, Jalan Tasik Permaisuri 2, Bandar Tun Razak, 56000 Kuala Lumpur

Telefon : (03) 9173 2761/63

Whatapps : (013) 586 2474